

SULIT

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

UJIAN PERTENGAHAN TAHUN 2019

TAHUN 4

BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN

011

1½ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawaban objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
4. *Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini.*

Nama :

Tahun :

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
[20 markah]


Soalan 1 hingga 12

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 " _____ mahu ke mana ? " tanya Ayuni kepada Tasnim dan Sufieya.

- A Anda
- B Kamu
- C Kalian
- D Engkau

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



- 2 Ramli terpaksa berakit di _____ jambatan Sungai Jelai untuk pergi ke kebunnya.


- A bawah
- B tengah
- C atas
- D tepi

- 3 Pemandu lori memecut dengan laju untuk _____ bas yang ada di hadapannya.

- A melanggar
- B menyelit
- C menyusup
- D memotong

- 4 Hakim telah dihantar ke _____ kerana terlibat dalam kemalangan sewaktu pulang dari sekolah.

- A perpustakaan
- B hospital
- C syarikat
- D sekolah



5 Setelah mengaku kesalahan mencuri pemadam Danial, Jasmin berasa _____ untuk berhadapan dengannya.

- A bangga
- B selesa
- C rindu
- D malu

SI penggal 1 nolosa

6 Rosdah membeli sebuah kereta _____ di Kuala Lumpur dengan harga RM15,000.

- A terpakai
- B terbaru
- C terlaris
- D terbuang

sinh A
umur B
makan C
voltas D

7 Tun Haji Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.

- A ke
- B dari
- C kepada
- D daripada

8 Mohd Adib berlari _____ menjinjing beg plastik berisi buah-buahan kerana dikejar oleh anjing.

- A sementara
- B ketika
- C supaya
- D sambil

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah




9 Terdapat _____ pondok buruk di hujung kampung itu.

- A sebuah
- B sebiji
- C sebuku
- D sederet

- 10 Kok Meng _____ selepas makan makanan di kantin pada waktu rehat tadi?
- A muntah-muntah
 - B pulang-pulang
 - C pusing-pusing
 - D guling-guling

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Ibu menyediakan _____ sempena Hari Raya Aidilfitri.
- A lauk-pauk
 - B sayur-mayur
 - C buah-buahan
 - D Kuih-muih
- 12 Para peserta pertandingan gubahan bunga itu cepat-cepat menyiapkan gubahan mereka kerana masa semakin _____.
- A cepat
 - B suntuk
 - C lampau
 - D laju

- 13 Setelah berjaya dalam perniagaannya, Ahmad telah melupakan jasa ibu bapanya. sikap Ahmad _____.
- A bagi ayam berak kapu
 - B bagi pinang dibelah dua
 - C bagi kacang lupukan kulit
 - D agai aur dengan tebing

Soalan 14

Pilih simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan ayat di bawah.

- 14 Suhaila berasa _____ meninggalkan ayahnya yang sakit tenat di rumah seorang diri.
- A buah hati
 - B buah mulut
 - C berat hati
 - D besar hati

Soalan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

15 Guru Besar merasmikan Pertandingan Pidato yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu

- A Persatuan Bahasa Melayu pengajuran Pertandingan Pidato yang Guru Besar rasmikan.
- B Pertandingan Pidato yang dianjurkan oleh Guru Besar dirasmikan oleh Persatuan Bahasa Melayu.
- C Pertandingan Pidato yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu dirasmikan oleh Guru Besar.
- D Guru Besar menganjurkan perasmian Pertandingan Pidato Persatuan Bahasa Melayu.

Soalan 16

Pilih ayat yang betul

- 16**
- A "Sejak bila engkau mula menulis cerpen?" tanya wartawan itu kepada Encik Kasman.
 - B Puan Rahani mengajar di SK Seberang. Beliau telah berkhidmat di sana selama dua tahun.
 - C "Amboi, sakitnya perutku ini!" kata Syazira.
 - D Pengemis itu menyelongkar tong sampah kerana beliau kelaparan.

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Telur Omega 3 mengandungi khasiat lima kali ganda berbanding telur biasa. Ia juga mempunyai jumlah kolestrol yang rendah berbanding telur biasa.

Telur ini mengandungi asid lemak omega 3, vitamin E, vitamin A dan vitamin D. Vitamin ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit barah.

Harga telur Omega 3 lebih mahal berbanding telur biasa. Saiznya agak besar. Telur Omega ini juga boleh membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan otak, sistem saraf dan tisu-tisu mata (retina).

Bak kata pepatah alah membeli menang memakai. Walaupun harganya lebih mahal sedikit tetapi ia amat baik untuk kesihatan kita sekeluarga. Pada masa kini, orang ramai sudah mula mementingkan pemakanan sihat dan seimbang.

Kerajaan telah menggalakkan rakyat agar sentiasa menjaga pemakanan untuk menjamin kesihatan yang lebih baik.

17 Vitamin-vitamin ini terkandung dalam telur Omega 3, kecuali ?

- A vitamin A dan E
- B vitamin D dan E
- C vitamin A dan C
- D vitamin A dan D

18 Telur merupakan makanan yang tergolong dalam kumpulan.

- A serat
- B protein
- C mineral
- D karbohidrat

19 Apakah akibat jika kandungan kolesterol yang tinggi dalam makanan kepada tubuh badan kita ?

- A tulang kita mudah reput
- B badan kita menjadi lemah
- C sering sakit kepala
- D mudah dijangkiti pelbagai penyakit

20 Berikut ialah makanan yang boleh menyebabkan badan kita mudah dihinggapi penyakit kecuali ?

- A ais krim
- B sayur-sayuran
- C makanan ringan
- D daging berlemak

08 (d) datinL

SULIT

Nama Murid : _____ A
 Kelas : _____ B

13. Enam bentuk berikut adalah tentang sifat-sifat kimia. Bantahlah yang salah.

UJIAN PERTENGAHAN TAHUN 2019

TAHUN 4

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN 011

Bahagian B

Catatan: Hadir di dalam kertas soalan ini. Jawab setiap soalan dengan lengkap dan betul. Jangan lupa untuk menulis nombor soalan pada petak yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Serahkan Bahagian B ini bersama-sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Kod Pemeriksa:	Markah
Nombor Soalan	Markah
21	A
22 (a)	B
22 (b)	C
22 (c)	D
23 (a)	
23 (b)	
23 (c)	
24 (a)	
24 (b)	
24 (c)	
24 (d)	
25 (a)	
25 (b)	
25 (c)	
25 (d)	
Jumlah	30

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

bentuk	helai	buah	kaki
keping	pasang	orang	deret

Puan Sarifah usahawan yang berjaya di bandar Dungun. Beliau menceburi bidang penjualan pakaian wanita dan aksesori yang berkaitan. Ketika memulakan perniagaan sekitar lima tahun yang lalu, beliau hanya menjual beberapa _____ tudung dan selendang secara kecil-kecilan sahaja. Kemudian, beliau mengembangkan perniagaannya dengan menjual 20 _____ baju kurung. Setelah perniagaannya maju, beliau membeli se_____ kedai. Beliau mengupah beberapa _____ tukang jahit juga. Kini para pelanggan amat berpuas hati dengan hasil pakaian yang dijual.

[Jawapan Sj]

[4 markah]

Soalan 22

a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Adib berasa gembira kerana dia menerima hadiah sempena hari lahirnya.


[2 markah]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



Iylia, tolong beritahu
rakan-rakan kamu
supaya menghantar buku
latihan sebelum waktu
persekolahan tamat.

[Jawapan Sj]




(Hasilkan 4) Berdasarkan gambar di atas, tulis maksud peribahasa yang dituliskan dalam peribahasa tersebut.


[2 markah]

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.

Nyatakan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar di bawah.



(Hasilkan 2)



untuk mengelakkan

utuk mencecah

[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tudung saji merupakan hasil kraf tangan masyarakat Melayu yang unik dan berseni. Biasanya, tudung saji dihasilkan daripada daun mengkuang, pandan, rotan atau buluh. Rotan atau buluh akan dibentuk bulat untuk dijadikan kerangka tudung saji. Rotan menjadi pilihan sebagai kerangka kerana sifatnya yang mudah dilentur.

Proses membuat tudung saji tidak mudah. Mula-mula, daun mengkuang, pandan atau buluh perlu diraut terlebih dahulu. Kemudian, bahan-bahan tersebut perlu dianyam seperti tikar. Sewaktu membuat anyaman, satu bucu yang tajam akan dihasilkan. Bucu yang tajam ini akan menjadikan anyaman tersebut berbentuk tudung saji. Selepas dibentuk, tudung saji akan dicorakkan dengan pilihan warna yang dikehendaki. Namun begitu, ada juga yang mencelup daun pandan atau mengkuang dengan warna terlebih dahulu sebelum daun-daun tersebut dibentuk dan dianyam. Kaedah tersebut dapat menjimatkan masa.

Seiring dengan peredaran zaman, kegunaan tudung saji turut berubah. Jika dahulu, tudung saji digunakan untuk menutup makanan daripada dihinggapi lalat atau terkena habuk. Tetapi kini, tudung saji dijadikan barang perhiasan dan cenderamata untuk diberikan kepada pelbagai pihak.

a. Tudung saji ialah _____

[1 markah]

b. Apakah kegunaan tudung saji?

[2 markah]

c. Padankan pernyataan di bawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Tudung saji sangat mudah dihasilkan.

ES nilai

betul

Daun mengkuang, daun pandan, dan daun sirih boleh dibuat tudung saji.

Tudung saji merupakan hasil kraf tangan masyarakat Melayu yang unik dan berseni

salah

Sewaktu membuat anyaman, satu bucu yang tajam akan dihasilkan.

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan surat di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No. 3, Jalan Anggerik Jaya 11,
Taman Anggerik Jaya,
18310 Gua Musang,
Kelantan.

10 Mac 2016

Menemui sahabatku, Kamal yang berada di Ipoh, Perak. Apa kahabar? Semoga saudara sekeluarga sihat sejahtera.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi pengalaman saya semasa berada di kampung. Kebetulan pada waktu itu musim buah-buahan. Saya pun mengambil peluang tersebut untuk mengikut datuk saya ke dusun duriannya.

Terdapat sebuah pondok di dusun durian itu. Saya berpeluang untuk menunggu durian gugur di dusun tersebut. Saya berasa sangat teruja kerana dapat mengutip buah-buahan durian yang gugur. Walaupun terpaksa digigit nyamuk, saya gembira melakukan kerja tersebut.

Selain itu, saya berpeluang untuk mengetahui buah durian yang gugur itu masak atau tidak. Caranya agak mudah, iaitu dengan menggongangkan buah durian tersebut. Datuk memberitahu saya, jika terdengar bunyi pergerakan pada isinya, maka buah durian itu sudah masak.

Nampaknya, sampai di sini sahaja warkah saya buat kali ini. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara.

Sahabatmu,
Hasnan

a. Perkataan *dusun* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan _____

[1 markah]

b. Mengapa Hasnan berasa gembira di dusun durian datuknya?

[2 markah]

c. Bagaimakah cara untuk mengetahui sama ada buah durian itu sudah masak?

[2 markah]

d. Adakah kamu gemar makan buah-buahan tempatan? Mengapa?

[3 markah]

Soalan 25

[soalnom 1]

Baca pantun di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menanam jagung sambil berhuma,
Duduk berehat makan berangan;
Tolong-menolong dan bekerjasama,
Kerja berat menjadi ringan.

Mari ke bendang menahan pukat,
Tangan disengat si keli bisa;
Saling memahami serta muafakat,
Sengketa tiada damai sentiasa,

Pahitnya peria tidak terhingga,
Dicelur diperah hilanglah ia;
Hormat-menghormati sesama tetangga,
Berbaik sangka amalan mulia.

Pagi hari pergi ke pekan,
Raga diisi sehingga sarat;
Ziarah-menziarahi harus diamalkan,
Hubungan renggang menjadi erat

a. Apakah maksud rangkap pertama pantun di atas?

Mer

sihat sejambu

Guru

[2 markah]

b. Mengapa kita perlu berbaik sangka dengan jiran tetangga ?

Mer

sihat sejambu

Guru

[1 markah]

[soalnom 5]

c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Amalkan sikap mementingkan diri sendiri dengan jiran tetangga

Saling muafakat dalam membuat apa-apa keputusan

[1 markah]

d. Terangkan maksud baris-baris sajak di bawah ini.

Ziarah-menziarahi harus diamalkan,
Hubungan renggang menjadi erat.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT